

Mewujudkan Program ICT dalam Pengajaran & Pembelajaran *Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah*

Kod Projek: UKM-PTS-2011-103

¹Mohd. Shukari Hamzah (Ketua Projek), ⁴Ahmad Abdul Rahman, ¹Khazri Osman & ^{2,3}Zamri Arifin

¹Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam

²Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

³Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

⁴Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

Pengenalan / Pernyataan Masalah

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang dianggap sukar oleh ramai orang yang cuba mempelajarinya. Kesukaran itu disebabkan oleh perbezaan sistem serta fonologi yang ketara dengan bahasa-bahasa lain. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk memenuhi keperluan bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkualiti dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) semasa dan keperluan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang menarik dan mudah dipelajari (Rahimi Saad & Zawawi Ismail, 2005: 37-38). Mata pelajaran *Maharat al-Muhadathah wal al-Khatabah* adalah merupakan matapelajaran wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar Fakulti Pengajian Islam. Justeru matapelajaran ini memerlukan kepada penguasaan perbendaharaan kata di dalam pembelajaran serta kaedah pengajaran yang menggabungkan cara lama dan baru dalam menarik minat para pelajar untuk memahami dan mendalaminya. Apabila di ketahui teknik dan kaedah yang betul untuk mempelajarinya, maka tidak mustahil untuk mahir dalam bahasa Arab ini. Mempelajari bahasa Arab juga seperti bahasa-bahasa yang lain di dunia. Ia juga mempunyai empat proses pembelajaran kemahiran iaitu pendengaran, pembacaan, penulisan dan pertuturan.

Justeru, kajian ini dilakukan setelah mengambil kira kepentingan penguasaan bahasa Arab terhadap para mahasiswa Fakulti Pengajian Islam. Ia bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan program-program ICT yang telah diperkenalkan sejak tiga tahun yang lepas didalam SPIN khususnya bagi matapelajaran *maharat al-muhadathah wa al-khatabah*. Ia telah dicipta khas untuk memudahkan dan membantu para pelajar dalam pembelajaran matapelajaran ini. Program-program tersebut adalah seperti *Hot Potatoes*, *Raptivity*, *Camtasia* dan *Powerpoint*. Ia merangkumi empat kemahiran iaitu mendengar, menulis, membaca dan berkomunikasi semasa proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab didalam kelas. Kajian ini tertumpu kepada pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran, tahap pengetahuan dan kemahiran para pelajar dalam menggunakan software yang di sediakan, tahap kefahaman tenaga pengajar terhadap objektif program dan juga

penerimaan dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar terhadap program ICT ini. Secara ringkasnya, *Hot potates* dan *Raptiviti* adalah merupakan program permainan bahasa secara *multiple choice* manakala *Camtasia* adalah penyediaan bahan media / ulangan kuliah yang dimasukkan ke dalam SPIN manakala kebanyakan nota-nota, ringkasan-ringkasan tajuk dan sebagainya di buat dalam bentuk *powerpoint* sebagai maklumat tambahan kepada para pelajar. Kajian ini dapat mengenal pasti kelebihan dan kelemahan software (*Hot potates, Camtasia, Raptivity, powerpoint*) dalam meningkatkan kemahiran dan penguasaan para pelajar dalam matapelajaran bahasa Arab melalui program ICT yang di perkenalkan. Ia juga dijangka akan menghasilkan kurikulum dan pengajaran terbaik unuk diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di UKM khususnya dan IPT umumnya.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Menurut kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa komputer multimedia dan Internet ini, membolehkan proses integrasi media berlaku dan ianya juga merupakan platform yang lebih berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) khususnya bagi kursus *Mahārat al-Istimā^c wa al-Fahm*. Bagi kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan, dan kemahiran yang dimiliki. Bahkan perlu dilihat juga dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima oleh diri seseorang yang ingin memperoleh ilmu. Oleh itu, alasan pelajar sukar untuk melayari Internet bagi kursus ini adalah tidak munasabah kecuali mereka benar-benar tidak didedahkan langsung tentang semua yang berkaitan dengan Internet. Semoga para pembaca dapat melihat keberkesanan yang boleh diperolehi melalui penggunaan laman web dan manual bagi kursus ini. (Zamri Arifin dan Moktar Hussain). Manakala kajian yang telah dijalankan oleh Zulkifli bin Nawawi mendapati bahawa strategi pembelajaran perbendaharaan kata memainkan peranan yang dominan di dalam pembelajaran subjek Bahasa Arab. Tidak dinafikan bahawa strategi pembelajaran perbendaharaan kata memberi sumbangan yang besar di dalam memberi impak yang positif kepada individu yang bergelar seorang pelajar. Berdasarkan kepada soalan kajian yang digunakan mengikut idea Schmitt, kita dapat lihat bahawa perbezaan yang wujud bagi responden di dalam pembelajaran perbendaharaan kata. Bagi Discovery Strategies (Strategi Penemuan Awal Perkataan Baru), strategi yang paling kerap dipraktikkan oleh responden ialah Tanya kawan sekelas makna perkataan, manakala strategi kedua ialah menggunakan kamus dwi-bahasa dan strategi yang paling sedikit digunakan ialah semakan pertalian dengan bahasa ibunda.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Membina latihan-latihan bahasa Arab yang telah dipelajari dalam kursus ICT.
2. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi / bertutur dalam bahasa Arab melalui software yang di perkenalkan.
3. Mengetahui kemahiran tenaga pengajar dan para pelajar dalam menggunakan software yang disediakan.
4. Mengetahui masalah dan melakukan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam konteks matapelajaran maharat al-muhadthah wa al-khatabah.

METODE KAJIAN

Menurut Mohd Najib bin Abdul Ghafar, Instrumen adalah alat yang akan digunakan untuk mengukur dan memperolehi data. Ia berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latarbelakang. Kajian ini adalah melibatkan instrument seperti edaran soal selidik, pemerhatian dan pengamatan (observasi) serta analisis data menggunakan SPSS. Kajian ini akan di bahagikan kepada empat fasa utama. Pada fasa pertama, penyelidik akan melakukan observasi terhadap perjalanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan program ICT, pada fasa kedua akan dilakukan edaran soal selidik kepada tenaga pengajar dan para pelajar maharat al-muhadathah wal al-khatabah, manakala pada fasa ketiga akan dilakukan analisa data-data mentah yang telah diperolehi. Seterusnya pada fasa keempat iaitu fasa terakhir akan dilakukan semakan dan kemas kini terhadap hasil kajian yang telah diperolehi.

PENCAPAIAN PROJEK

Penerbitan

1. Buku Maharat al-Muhadathah wa al- Khatabah, Unit Bahasa Arab, FPI, April 2011
2. Kertas kerja bertajuk: عرض نماذج للبرامج الحاسوبية في تعليم وتعلم مهارات المحادثة والخطابة dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011(Sapba'11): Wawasan Dan Cabaran Malaysia-China Disember 2011. ISBN 978-697-5478-45-1

Persidangan

Membentangkan kertas kerja bertajuk: عرض نماذج للبرامج الحاسوبية في تعليم وتعلم مهارات المحادثة والخطابة dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011(Sapba'11): Wawasan Dan Cabaran Malaysia-China, 5-6 Disember 2011 di Fakulti Bahasa Arab, Universiti Beijing.

Modal Insan

Melantik pembantu penyelidik daripada kalangan pelajar Ph.D selama tiga bulan.

PERBELANJAAN

Jumlah Pembiayaan	: RM 15,000.00
Jumlah Peruntukan Diterima	: RM 15,000.00
Baki Belum Terima	: RM 0.00
Jumlah Perbelanjaan dan Komitmen	: RM 5,330.00
Peratus Guna Berbanding Jumlah Pembiayaan	: $\frac{\text{Jumlah Perbelanjaan dan Komitmen}}{\text{Jumlah Pembiayaan}} \times 100$
	: $\frac{5,330.00}{15,000.00} \times 100$
	: 35.53 %

KESIMPULAN

1. Mewujudkan modul / latihan ict kepada pelajar dalam P&P *Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah*.
2. Modul / latihan yang telah diwujudkan sesuai digunakan dalam mana-mana P&P bahasa Arab
3. Modul / Latihan ict ini membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab.
4. Modul / latihan ini membantu para pengajar dalam P&P bahasa Arab.
5. Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar & guru dalam penggunaan modul / latihan ini dalam P&P bahasa Arab.
6. Sekiranya projek ini mencapai objektifnya, maka ia akan diteruskan dalam mana-mana P&P maharat bahasa arab yang lain.

RUJUKAN

- 1- محمد عبد الله المحجري. اللغة العربية " المهارات اللغوية " ، 2007، اليمن: مكتبة خالد بن الوليد.
- 2- د. رشدي أحمد طعيمة د. محمد السيد مناع، تدریس العربية في التعليم العام. نظريات وتجارب، 2001، القاهرة: دار الفكر العربي .
- 3- د. أنطوان صياح. تعلمية اللغة العربية. 2006 ، بيروت: دار النهضة العربية.
- 4- د. إبراهيم أحمد مسلم. الجديد في أساليب التدريس. 1994 ، عمان: دار البشر
- 5- د. رشدي أحمد طعيمة. تعليم العربية - اتصاليا. السعودية: جامعة أم القرى
- 6- د. يحيى أبو حرب. الجديد في التعلم التعاوني ، 2004، الكويت: مكتبة الفلاح
- 7- د. عبد الرحمن بن إبراهيم الفوزان. العربية بين يدك ، 2005 ، الرياض: مكتبة الملك فهد الوطنية